




PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
9 JULAI 2019 (SELASA)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	PENDUDUK BANTAH PROJEK DALAM TAMAN
MUKA SURAT	46 & 47



PENDUDUK Taman Bukit Permata Fasa II memegang sepanduk bagi membantah projek pembinaan rumah yang bakal dibina di hadapan kediaman mereka di Taman Sri Gombak Selangor. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	PENDUDUK BANTAH PROJEK DALAM TAMAN
MUKA SURAT	46 & 47

Penduduk bantah projek dalam taman

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDIN
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 JULAI

PENDUDUK Taman Bukit Permata Fasa II, Batu Caves di sini membantah cadangan projek perumahan yang bakal dilaksanakan oleh pemaju di kawasan perumahan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Bukit Permata (BP) 2, Zamzuri Mahmood berkata, projek yang akan dilaksanakan

dalam masa terdekat itu didakwa akan menyebabkan pelbagai masalah seperti kesesakan, gangguan dan pencemaran.

"Bukan menolak pembangunan tetapi kami memikirkan soal keselamatan dan ketenteraman penduduk yang menetap di sini sejak 15 tahun lalu.

"Tapak projek ini berada di tengah-tengah kawasan perumahan. Kami tidak dapat bayangkan kehidupan penduduk

TAPAK projek pembinaan rumah yang dikhuatiri menimbulkan masalah kesesakan kepada penduduk.



ZAMZURI MAHMOOD

di sini untuk berdepan dengan kesesakan lalu lintas yang dipenuhi jentera berat, bunyi bising, habuk dan sebagainya," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Jelas Zamzuri, walaupun pemaju mempunyai hak untuk membangunkan projek di atas tanah mereka, tindakan itu tidak sewajarnya dilakukan sekarang kerana kawasan taman perumahan berkenaan yang sudah terlalu padat.

"Kenapa baru sekarang mahu bina setelah lokasi ini didiami oleh kira-kira 4,000 penduduk.

"Sepatutnya unit rumah teres berkenaan dibangunkan serentak

semasa awal pembangunan kawasan ini dahulu," katanya.

Sehubungan itu, Zamzuri berkata, Majlis Perbandaran Selangor (MPS) didesak supaya campur tangan dalam membatalkan kebenaran permohonan membangunkan projek itu serta-merta tanpa sebarang rundingan.

Katanya, projek itu juga dirancang tanpa pengetahuan dan perbincangan bersama penduduk setempat.

"Pemaju kena fikirkan kesejahteraan penduduk jangan fikir keuntungan semata-mata," katanya.

REAKSI



"PEMAJU patut kekalkan tapak itu sebagai kawasan riadah untuk penduduk dan bukan cari keuntungan semata-mata."

CHRISTINE LIM PEI YEE
Penduduk



"HANYA ada satu laluan untuk ke taman ini. Bayangkan tahap kesesakan yang perlu dihadapi penduduk jika projek ini berjalan tidak lama lagi.

U. GOBINATH
Penduduk

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	SASAR 100,000 PENGUNJUNG LAWAT WILAYAH KELIP-KELIP
MUKA SURAT	27

Sasar 100,000 pengunjung lawat wilayah kelip-kelip

Kuala Selangor: Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) komited menjadikan Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan di sini, sebagai lokasi paling ramai dilawati pelancong tahun ini.

Bagi tujuan itu, MDKS menyasarkan sekurang-kurangnya 100,000 pengunjung khususnya dari luar negara yang ingin melihat serangga berkenaan pada waktu malam.

Setiausaha MDKS, Azman Dahlan berkata, anggaran jumlah itu lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya sejak pusat berkenaan dibuka pada 1970.

Katanya, Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan kini berada dalam senarai popular dunia dan menjadi tumpuan destinasi pelancong.

“Sebelum ini, kebanyakan pelancong datang dari China. Namun, ia mening-

kat setiap tahun dengan kehadiran pelancong dari Jepun, Korea Selatan, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

“Malah, kita turut menerima pelancong dari Asia Barat dan sekitar Asia Tenggara seperti Indonesia, Thailand, Vietnam, Singapura, Brunei serta Filipina,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Hari Kelip-Kelip Sedunia 2019 di Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Azman berkata, MDKS kini dalam usaha menarik pelancong baru dari Jerman bagi merasai pengalaman melihat keindahan kelip-kelip.

“Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan adalah lokasi terbaik melihat kelip-kelip bukan saja di negara ini malah di Asia,” katanya.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	JALANKAN AUDIT KEKANG GEJALA RASUAH
MUKA SURAT	27

Jalankan audit kekang gejala rasuah

Shah Alam: Pengauditan yang dijalankan di setiap organisasi kerajaan diyakini mampu mengekang penularan gejala rasuah dalam kalangan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, dalam era teknologi tinggi ketika ini kegiatan jenayah kolar putih itu terlalu mudah dilakukan oleh sesiapa saja.

Katanya, berikutan itu pengauditan sangat perlu dilakukan bagi memastikan segala kegiatan tersembunyi dapat dikesan.

“Seminar berkaitan pengauditan sememangnya harus dilakukan kerana ia memberi pengetahuan berkenaan audit.



NG (tengah) dan Haris (dua dari kiri) pada majlis perasmian Seminar Pengauditan Pihak Berkuasa Tempatan.

FAKTA

12 PBT di Selangor capai taraf lima bintang daripada KPKT

“Sistem pengauditan ini bukan saja menunjukkan pentadbiran sistematik sesebuah organisasi sebaliknya ketelusan dapat dibuktikan,” katanya selepas merasmikan Seminar Pengauditan PBT Bertemakan Meningkatkan

Nilai Pengauditan Melalui Juruaudit Prestasi dan Profesionalisme di sini, semalam.

Hadir sama, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim.

Pada masa sama, beliau turut memuji 12 PBT di Selangor kerana mencapai ta-

raf lima bintang daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Katanya, taraf itu membuktikan PBT di Selangor mencapai prestasi yang memuaskan sekali gus memainkan peranan masing-masing.

Sementara itu, Haris berkata, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan seminar berkenaan sebagai platform antara PBT untuk berkongsi idea serta pengalaman berhubung pengurusan pengauditan.

Katanya, MBSA juga mahu memperkenalkan konsep analisa data selain mengentengahkan isu terkini mengenai pengauditan prestasi di PBT ketika ini.

“Seminar ini juga membincang dan meningkatkan kefahaman isu serta cabaran dihadapi PBT.

“Ia secara tidak langsung membolehkan semua peserta seminar berkongsi idea serta pengalaman masing-masing,” katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	NYAMUK AEDES MAKIN KEBAL
MUKA SURAT	14

'Nyamuk aedes makin kebal'

HULU SELANGOR - Nyamuk aedes yang telah berevolusi selepas beberapa generasi didapati kebal dan ini merupakan faktor yang mempengaruhi peningkatan kes denggi di Selangor.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, walaupun langkah pencegahan dan kawalan berjaya dilakukan, namun pada masa sama berlaku perkembangan penyebaran virus denggi dalam kalangan nyamuk aedes itu sendiri.

"Jika ada seekor nyamuk yang ada virus denggi, maka telur seluruh generasinya akan ada virus itu. Sebelum ini perkara itu tidak berlaku. Ia baru berlaku dalam tempoh setahun.

"Nyamuk juga berevolusi dan bertambah kebal selepas beberapa generasi. Dulu mungkin pada kadar tertentu untuk fogging (penyemburan asap) nyamuk itu sudah mati tapi sekarang dah tak boleh (mati)," katanya pada sidang media selepas merasmikan pelancaran Program Pemurnian



Amirudin (tengah) menerima oenderahati yang disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor, Shukri Mohamad Hamin selepas merasmikan Program P3S di Tasik Taman Millenium Kuala Kubu Bharu semalam. 14

Pelancongan Selangor (P3S) di Tasik Taman Millenium Kuala Kubu Bharu di sini semalam.

Amirudin berkata, usaha pencegahan nyamuk aedes akan diperhebatkan di kawasan tumpuan seperti taman awam, rumah ibadat dan premis awam.

Katanya, kerajaan negeri berjaya menurunkan beberapa kes dalam epik tertentu sejak tahun lalu.

"Namun, dalam epik

terbaru ia menunjukkan peningkatan.

"Dulu pun banyak nyamuk tetapi kita berjaya kawal. Situasi sekarang dah berubah, maka kita sedang melihat balik apakah trend yang terlibat.

"Usaha promosi giat dilakukan di jabatan kerajaan tempatan bagi memastikan premis mereka bersih sebelum kita turun ke lokasi yang mencatatkan kes denggi tinggi," katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	HATI-HATI BAKTERIA WOLBACHIA
MUKA SURAT	14

Hati-hati bakteria wolbachia

Kesan jangka panjang bakteria itu masih tidak diketahui



HIDAYATUL FATHI

"Kes-kes di kawasan yang terlibat menunjukkan penurunan kes yang ketara," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, beberapa negara termasuk Itali, Thailand dan Australia telah melakukan pembebasan bakteria wolbachia ke kawasan yang mempunyai wabak denggi, namun sehingga kini tiada lagi laporan mengenai kesan buruk

pembebasan bakteria itu.

Mengulas mengenai adakah nyamuk aedes akan kebal dengan bakteria tersebut, beliau menjelaskan, virus aedes secara keseluruhannya kebal dengan bakteria.

"Bakteria itu secara semula jadinya sudah wujud dalam beberapa serangga lain termasuk nyamuk *al-bopictus* dan beberapa serangga lain seperti kupu-kupu dan rama-rama.

"Jadi, bakteria wolbachia secara semula jadi memang wujud dalam serangga lain, cuma bakteria ini tidak wujud dalam nyamuk *agatti primary sector of de-*

ngue," katanya.

Beliau berkata, kaedah itu sesuai digunakan buat masa ini tetapi memerlukan pembebasan yang berterusan untuk satu tempoh

masa bagi memastikan nyamuk yang dibebaskan itu berjaya menurunkan kes di kawasan yang terlibat dengan operasi berkenaan.

NURUL FIRDAUS KHAIRI

SHAH ALAM

Penggunaan bakteria wolbachia bagi mengawal dan menangani kes denggi secara berperingkat perlu dilakukan secara berhati-hati.


Pakar Parasitologi dan Entomologi, Profesor Dr Hidayatul Fathi Othman berkata, untuk jangka panjang kesan penyebaran nyamuk aedes yang mengandungi bakteria berkenaan

masih tidak diketahui dan belum ada jalan penyelesaian.

Namun, katanya, kaedah itu sebagai usaha sementara untuk mengurangkan kes dan wabak denggi daripada terus mengancam nyawa.

"Saya menyokong usaha Kementerian Kesihatan. Inilah satu-satunya inovasi terkini yang dilakukan melalui kajian rintis di lapan lokaliti kes denggi di Selangor sejak Mac 2017.

KAEDAH BARU TANGANI DENGGI



KLIK TERPILIH | Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (dua dari kanan) menyampaikan surat tawaran kepada Wan Farisa Alia Wan Mohd Fadzmi pada Majlis Penyampalan Surat Tawaran Pinjaman Pelajaran Bagi Pelajar Majlis Amanah Rakyat (Mara) di Perdana Putra, Putrajaya semalam. Seramai 31 pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti terbaik dunia (WU) menerima surat tawaran pinjaman berkenaan.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	'TENTERA WOLBACHIA' PERANGI DENGGI
MUKA SURAT	16

'Tentera wolbachia' perangi denggi

APABILA Kementerian Kesihatan menggunakan kaedah pelepasan nyamuk aedes mengandungi bakteria wolbachia secara berperingkat di seluruh negara bagi mengawal dan menangani kes denggi kelmarin, ia menjadi satu revolusi dinamik dan berkesan.

Kaedah tersebut membuktikan kementerian telah memahami kitaran penyebaran wabak denggi dan tidak mahu lagi mengatasinya dengan cara konservatif iaitu menggunakan racun serangga.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, langkah itu susulan kejayaan kajian rintis di lapan lokaliti kes denggi di Selangor sejak Mac 2017 yang menunjukkan penurunan kes sebanyak 50 hingga 80 peratus setiap lokaliti.

Taktik nyamuk lawan nyamuk itu menyaksikan 'tentera wolbachia' akan berperang dengan nyamuk aedes untuk tujuan memastikan kitaran penyebaran wabak denggi terganggu dan seterusnya menghadkan penyebarannya.

Pendekatan itu pastinya mengundang variasi reaksi termasuk melihat ia sebagai satu 'perang biologi' yang menghadirkan pelbagai implikasi. Ada yang bertanya: 'Apa akan jadi pada 'tentera wolbachia' selepas nyamuk-nyamuk aedes itu 'dibunuh'?

Apakah situasinya sama dengan lambakan burung gagak di Klang selepas semua ulat yang memusnahkan tanaman kopi di Selangor kira-kira 100 tahun lalu dimusnahkan secara perang biologi?

Usaha Kementerian Kesihatan membasmi wabak denggi itu adalah realiti yang bergerak seiring peningkatan kes demam denggi yang terus meragut nyawa. Kesungguhan kementerian menanganinya bukan satu episod meraih perhatian melainkan kombinasi inovasi hebat dan terkini.

Solusi bukan datang sekelip mata dan implikasi kaedah baharu itu tidak boleh dilihat akan memberi kesan drastik. Mungkin 180 bekas yang setiap satunya mempunyai 150 bekas kecil berisi telur nyamuk mengandungi wolbachia akan dibekalkan kepada 11 lokaliti terpilih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor pada fasa pertama program itu memberi sinar baharu kepada usaha memerangi denggi.

Peranan program baharu itu juga membuktikan kementerian peka dengan aplikasi yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Ia membuka kepada respons dan penglibatan profesional dalam menilai keberkesanannya. Apa yang dilakukan Kementerian Kesihatan itu adalah usaha terbaik ketika ini.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	KEMPEN HAMBAR
MUKA SURAT	33

Kempen hambar

Restoran, kedai makan tidak peka kempen larangan straw plastik

MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Masih terdapat beberapa restoran dan kedai makan di negeri ini yang menyediakan penyedut minuman (straw) plastik secara bebas walaupun kempen larangan penggunaannya di negeri ini sudah



LOY SIAN

dikuatkuasakan.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, terdapat sege-lintir pengusaha restoran dan kedai makan tidak mengikut sepenuhnya kempen larangan penggunaan straw plastik yang

dijalankan itu.

"Biarpun notis diserahkan, namun masih ada yang menyediakan straw minuman plastik secara bebas.

"Ada straw yang diletakkan di depan kaunter yang boleh diambil secara mudah oleh pelanggan," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Cek Geran Kecil Alam Sekitar dan Teknologi Hijau di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini semalam.

Beliau berkata, kerajaan negeri menyeru kepada semua pengusaha restoran agar bersama kerajaan negeri bagi menjayakan kempen Bebas Penyedut Minuman Plastik.

"Semua pengusaha

restoran diminta menyokong kempen dan mereka perlu menyimpan straw minuman ini dan bukannya meletakkan di tempat yang senang diambil oleh pelanggan.

"Kempen Larangan Straw Plastik merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan negeri untuk mengurangkan plastik sekali guna seperti beg plastik, polistirena, penutup atau pelapis makanan plastik dan bahan-bahan plastik pakai buang," katanya.

Pada 1 Julai lalu, semua premis makanan dan minuman termasuk restoran di Selangor dilarang menyediakan penyedut minuman plastik di kaunter untuk diambil secara bebas oleh pelanggan. 33

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SELANGOR PERKENAL P3S
MUKA SURAT	33

Selangor perkenal P3S

HULU SELANGOR - Kerajaan negeri memperkenalkan program Pemurnian Pelancongan Selangor (P3S) bagi menyelesaikan isu pembinaan premis pelancongan tanpa kebenaran di negeri ini.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, semua premis pelancongan termasuk inap dusun diminta mendaftar di bawah program tersebut bagi mendapatkan Lesen Tred Perniagaan dari pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurutnya, lesen berkenaan membolehkan pengusaha terbabit berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sekaligus dapat dipromosikan dalam kalen-

dar tahunan negeri.

"Saya dimaklumkan di Hulu Selangor terdapat 56 pengusaha inap desa tetapi empat sahaja yang ada kelulusan dari Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Keadaan ini amat membimbangkan kerana ia melibatkan jaminan keselamatan kepada pengunjung.

"Program P3S adalah secara sukarela dan walaupun akan ada cukai selepas ini tapi ia memberi kebaikan kepada pengusaha premis pelancongan dan kita boleh promosikan produk mereka," katanya kepada media selepas merasmikan majlis pelancaran program P3S di Taman Tasik Millennium Kuala Kubu Bharu semalam.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	FOOD COURT GETS MONTHLY REPRIEVE
MUKA SURAT	4

4 News

STARMETRO, TUESDAY 9 JULY 2019



Regular patrons at Emporium Makan having their lunch. - Photos by KK SHAM/The Star.



Hoardings have been put up outside Emporium Makan in anticipation of the demolition.

Food court gets monthly reprieve

Demolition date for Emporium Makan not finalised, tenants can continue trading for now

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

TENANTS of stalls at Emporium Makan, a well-loved food court along Jalan Pasar in Klang that had been slated for demolition, have been given a chance to continue trading on a month-to-month basis.

According to Klang Municipal Council (MPK), the grace period to trade could stretch until Dec 31, before the building is demolished to make way for a light rail transit (LRT) phase 3 line station.

MPK president Datuk Mohamad Yasid Bidin said the council decided to give the month-to-month grace period to tenants as "the demolition date of Emporium Makan had not been finalised".

"The council was told that there were changes to the demolition date. Because of this, we are allowing the tenants to continue doing business month-to-month until Dec 31, while giving time for them to find a new place."

"But in the event the builders need to move in before December,



Nuraini, who has been selling food for over 30 years, says the grace period would help her find a suitable place to move to.

"We will inform the traders (to move out). So, we want the traders to actively find a new place to move to," he said.

Emporium Makan was slated to be shut down on June 30 and the 59 hawkers operating there were given until July 9 to clear out.



Azhar wants MPK to put the extension of the month-to-month grace period in writing and not just verbally inform the tenants.

Yasid added that since the notice was issued, some 30 tenants had moved out.

"Now, we have 29 stalls still holding the licences but only a handful are actively operating their business and some are in the midst of searching for a new place," he said.

Stall owner Nuraini Shahrman, 61, who has been selling Malay dishes for over 30 years at Emporium Makan, said she was thankful to the council for the reprieve.

"It has been chaotic over the past month as we have been unable to find a new place that offers reasonable rent. MPK's notice to move out has expired. But now, I have the next few months to search for a better location that offers similar rent," she said.

According to one trader, the rent was RM45 for a stall lot in 1970 but has risen to RM200 now, while several of the more prominent lots in front go for RM250.

Noodle seller Lee Wee Kiat, 70, who has been at Emporium Makan for more than a decade, said he was happy with MPK's decision to allow them to continue doing business.

"I still have not been able to get a new place even though the notice has expired. But the extra few months will give us time to search for an alternative trading area," he told StarMetro.

Azhar Hussin, 47, who sells fried

rice and noodles, said while it was good that MPK had extended the time frame to trade at the food court, the council should issue proper notices regarding this and not just make a verbal announcement.

"But we want MPK to put it in black and white that we are allowed to be at the food court on a month-to-month basis. Now, we are just hearing the news through other people. I think MPK must act in a professional manner and the council president should come down and brief us," he said.

Opened in mid-1969, the oldest food court in Klang has been serving up a range of hawker fare, from wantan mee, chicken rice and mee jawa to lontong, satay and bubur cha cha.

There is even a following for the butter coffee and toast bread with half-boiled eggs here.

On hearing the news that the hawker centre would close for good, Klang foodies, both young and old, made a beeline to the stalls to enjoy their favourite hawker fare while they still could. *SM 4*

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	STOP PLACING STRAW ON COUNTER, EATERIES URGED
MUKA SURAT	4

Stop placing straws on counter, eateries urged

By BRENDA CH'NG and PRISILLIA ANN PATRICK
metro@thestar.com.my

EATERIES in Selangor are urged to keep single-use plastic straws and only give them to customers upon request, in line with the state's 'no plastic straw' policy launched on July 1.

"Business owners should stop placing straws at the counter or on tables where it is easily available to customers.

"If the straws are not easily obtainable then customers will eventually stop asking for it," said the state environment, green technology, science and consumer affairs committee chairman Hee Loy Sian.

He urged those in the bubble tea and packet drink industry to come up with an alternative to replace the single-use plastic straws which come with the drinks.

He said Selangor was open to working with those in the industry to come up with ideas on what can replace the plastic straws.

"This is all part of our six-year plan towards a zero straw policy in Selangor by 2025," said Hee, who added that eateries are not banned from using plastic straws now but he hopes their usage will be gradually reduced.



(From left) Selangor Economic Planning Unit (UPEN) local authority section deputy director Norliza Yusoff, Hee and UPEN local authority section assistant director Mariane Abdul Rahman unveiling the tapir mascot during the launch of the no plastic straw policy campaign.
— Photos: LOW LAY PHON/The Star

No compounds or enforcement action will be taken against businesses giving out straws at the moment.

He said this during a press conference after launching the no plastic straw campaign and unveiling its still unnamed tapir mascot at Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah in Shah Alam.

"The amount of straws that each person uses may be small, but if

everyone thinks like that, then it will result in a large quantity which will affect the environment.

At the event, Hee presented cheques amounting to RM750,000 to 109 recipients under the state's Environment and Green Technology 2019 programme to carry out green initiative programmes.

The recipients include schools, resident groups, NGOs and universities.



Some of the recipients lining up to collect their cheques.

Hee said the event was held to raise public awareness to understand the importance of safeguarding our environment.

The event aims to promote the use of green technology in everyday life, alongside helping communities within organisations and associations fund their innovative projects.

There are two categories for this programme which are environment and green technology.

"We gave out a total of RM250,000 to 55 organisations to carry out environment-related pro-

jects while another RM500,000 was given out to 54 other recipients to carry out green technology projects," he said.

He added that the state government was committed to addressing environmental issues such as global warming, air pollution, water pollution, flash floods as well as the extinction of flora and fauna.

He expressed hope that the funds would help the recipients come up with high-impact green projects to raise awareness among the community on the importance of preserving the environment. SM4

AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	CLING ON TO HISTORY AND YOU CANT CREATE THE FUTURE, PKNS
MUKA SURAT	35

Cling on to history and you can't create the future, PKNS

By T. AVINESHWARAN

PETALING JAYA: Embrace change. Selangor Menteri Besar Amirudin Shari said he was looking at turning PKNS into Selangor's second football team next season but PKNS are not too keen on the idea.

PKNS senior players like Shahrom Abdul Kalam and Akram Mahinin said their team have the potential to be a powerhouse in Malaysian football and being one of the oldest clubs in the country, they will not be remembered for their achievements if they become a feeder club.

"If a team cling on to its history, they cannot create the future. Johor and Terengganu have their teams and history. They were fine when they decided to merge the clubs," said Amirudin.

Amirudin said he would be meeting the Football Association of Selangor (FAS) president Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah and PKNS president Siti Zubaidah Abdul Jabar to discuss the plan this month.

"I'll meet with the top leadership of FAS and discuss the formula in one or two days.

"Be rest assured that we will come up with an option that is cost-efficient but one that will also make the team strong.

"We want to ensure that Selangor football is coordinated from top to bottom. I will sit with all three clubs - Selangor, PKNS and Selangor United - and come up with the best solution.

"The Selangor government gave RM15mil to Selangor, RM15mil to PKNS and about RM4mil to Selangor



Reds to the core: Selangor Menteri Besar Amirudin Shari (left) is presented a commemorative Liverpool jersey by NDS Holdings director Munas van Boonstra during the launch of the Liverpool supporters and retro jersey at the KL Gateway Mall.

United this season. We may not provide the same amount next season," he added. Amirudin was at the launch of the official Liverpool supporters and retro jersey at the KL Gateway Mall in Kerinchi.

An ardent supporter of the English team since 1989, Amiruddin said it was good to see the team lift the Champions League for the sixth time.

"It was a tremendous season, and

it's nice to see all the Liverpool fans here celebrating it," said Amiruddin.

"Just like how we support Liverpool, I hope to see Malaysian fans supporting their national and state teams." S 35



KERATAN AKHBAR 9 JULAI 2019 (SELASA)

